

**PERGERAKAN SOSIAL TAMIL DI TANAH
MELAYU : 1920-AN – 1957**

SANKAR A/L ARIKRISHNAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2011

PERGERAKAN SOSIAL TAMIL DI TANAH MELAYU : 1920-AN – 1957

OLEH

SANKAR A/L ARIKRISHNAN

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA SASTERA**

JANUARI 2011

PENGHARGAAN

Dalam usaha menyempurnakan disertasi ini, saya sangat terhutang budi kepada orang perseorangan dan pihak-pihak tertentu yang banyak membantu dalam proses menyiapkan disertasi ini.

Pertama sekali penyelia saya Dr.K.Anbalakan yang sudi meluangkan masa beliau menyelia saya dari mula hinggalah disertasi disiapkan. Ketelitian, kesabaran dan lontaran idea yang bernas, kemas dan tajam semasa menyelia dan menyemak draf kajian amat saya hargai. Tunjuk ajar dan bimbingan beliau terutamanya berkenaan kaedah penulisan ilmiah yang sistematik amat besar maknanya kepada saya dalam memantapkan penulisan kajian.

Dirakamkan juga penghargaan kepada pengerusi sejarah dan semua kakitangan akademik lain yang banyak membantu dari segi akademik sepanjang mengikuti pengajian di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

Penulis juga tidak dapat lupa mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang bekas ahli pergerakan sosial yang telah memberikan kerjasama dengan membekalkan sumber maklumat berkenaan untuk melengkapkan disertasi ini.

Sebahagian besar rujukan kajian ini telah saya jalankan di Arkib Negara dan perpustakaan-perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Tidak dapat dilupakan juga kakitangan '*National University Of Singapore*' (NUS) yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam proses membuat rujukan di Universiti berkenaan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada isteri, anak, keluarga tersayang dan rakan-rakan sebaya yang memberikan sokongan moral dan membantu saya dalam kerja-kerja teknikal.

Akhir sekali ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha menyempurnakan disertasi ini.

SANKAR A/L ARIKRISHNAN
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.

PERGERAKAN SOSIAL TAMIL DI TANAH MELAYU, 1920-AN – 1957

ABSTRAK

Kajian ini mengkisahkan sejarah pergerakan beberapa pergerakan sosial Tamil yang telah ditubuhkan oleh masyarakat India di Tanah Melayu antara tahun 1920an-1950an. Dalam tempoh masa berkenaan orang India telah mengalami pelbagai masalah. Orang India yang dibawa oleh British untuk menampung keperluan buruh di Tanah Melayu telah menghadapi pelbagai masalah seperti upah yang tidak berpatutan, tempat tinggal yang kurang selesa, kekurangan kemudahan-kemudahan asas, pembekalan kemudahan kesihatan dan pendidikan yang kurang sesuai, tabiat minum todi dan diskiriminasi kasta. Justeru, muncullah pergerakan-pergerakan sosial untuk menangani masalah-masalah ini. Walaupun banyak pergerakan sosial Tamil telah ditubuhkan dalam tempoh tersebut hanya beberapa pergerakan sosial sahaja bergiat dengan aktif untuk membela nasib orang India, terutama sekali buruh Tamil. Pergerakan-pergerakan sosial ini telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah sosio-ekonomi dan budaya kaum India secara umumnya. Keberkesanan pergerakan-pergerakan sosial ini adalah kurang memuaskan. Namun, beberapa pergerakan sosial ini masih meneruskan kegiatannya dan terus memberi sumbangan untuk meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi masyarakat India, khususnya orang Tamil, di Malaysia sehingga ke hari ini. Kajian ini cuba meninjau langkah-langkah yang diambil oleh pergerakan-pergerakan sosial ini dalam usaha mereka untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh buruh India dalam tempoh 1920an hingga 1950an. Dalam pada itu, tumpuan diberikan kepada lima pergerakan sosial Tamil yang bergiat aktif dalam tempoh berkenaan. Usaha juga telah dibuat untuk menilai keberkesanan sumbangan pergerakan-pergerakan sosial ini dalam hal membela nasib sosio-ekonomi masyarakat India di Tanah Melayu.

TAMIL SOCIAL MOVEMENTS IN MALAYA, 1920s – 1957

ABSTRACT

This study is an effort to document the history of some of the Tamil social movements in Malaya between 1920s and 1950s. During this period the Indians, who were brought into this country by the British administration of Malaya to overcome the labour shortage, faced a multitude of problems. Some of the problems faced by them include low wages, unsuitable housing, absence of basic amenities, insufficient health and educational facilities, alcoholism and disabilities due to caste discrimination. Consequently, some efforts were taken to form social movements to tackle these problems. Although, several such movements were formed then, only a few had actively played a role in assisting the Indians, in particular the Tamil labouring community. These social movements had initiated some activities to overcome the many social, economic and cultural problems faced the community. However, on the whole, the achievement of these movements, too, was not substantial. Nevertheless, some of these movements continue to operate actively till to date and contribute to the socioeconomic well being of the community. This study endeavours to analyse the efforts made by five social movements during the period between 1920s and 1950s to gauge the achievement of these movements in tackling the problems faced by the Indian community, in particular, the Tamil labourers.

KANDUNGAN

	Halaman
Penghargaan	ii
Kandungan	iii
Senarai Jadual	vi
Senarai Singkatan	vii
Abstrak	viii
Abstract	ix
BAB : 1 Pendahuluan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Sorotan Literatur	3
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Sumbangan Kajian	11
1.5 Metodologi	12
1.6 Penyusunan Bab	15
BAB : 2 Kedudukan Sosio-ekonomi Masyarakat India	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Perkembangan Industri Getah	18
2.3 Buruh India Selatan : Buruh Tamil	22
2.4 Masalah Sosio-ekonomi Masyarakat India	26
2.4.1 Upah	28
2.4.2 Perumahan	36
2.4.3 Kemudahan Asas : air, elektrik & sanitari	39
2.4.4 Kesihatan	41
2.4.5 Pendidikan	44
2.4.6 Minuman Todi & Samsu haram	50
2.4.7 Sistem kasta	54
2.5 Kesimpulan	58

BAB : 3 Pergerakan Sosial Tamil 1920an hingga 1930-an

3.1 Pengenalan	61
3.1.1 Persatuan-persatuan India (<i>Indian Association</i>)	63
3.1.2 Persatuan-persatuan Tamil	66
3.2 <i>Maruthuvar Sangham</i> 1926	69
3.2.1 Penubuhan <i>Maruthuvar Sangham</i>	71
3.2.2 Objektif & Aktiviti <i>Maruthuvar sangham</i>	74
3.2.3 Tahap-tahap perkembangan <i>Maruthuvar Sangham</i>	81
3.2.4 Penentangan Amalan Kasta dan Perkahwinan Reformasi	84
3.3 <i>Adi Dravidiar Sangham</i> 1928	90
3.3.1 Perkembangan Awal <i>Adi Dravidiar Sangham</i>	90
3.3.2 Objektif dan Aktiviti <i>Adi Dravidiar Sangham</i>	92
3.3.3 Penentangan Diskriminasi Kasta	94
3.4 Persatuan Reformasi Tamil	97
(<i>Tamil Reform Association</i> - TRA 1932)	
3.4.1 Latar belakang dan Tujuan TRA	97
3.4.2 Aktiviti dan Kempen TRA	101
3.5 Kesimpulan	111

BAB : 4 Pergerakan Sosial Tamil 1940an hingga 1950-an

4.1 Pengenalan	114
4.2 <i>Thondar Padai</i>	115
4.2.1 Todi dan Buruh Estet	115
4.2.2 Kesan Sosioekonomi akibat todi	117
4.2.3 Kemunculan <i>Thondar Padai</i>	123
4.2.4 Faktor dan Aktiviti <i>Thondar Padai</i>	125
4.2.5 Kemuncak Membanteras Minuman Todi	128
4.3 Kelab Bell Belia Tamil (KBBT)	134
4.3.1 Kesedaran dan Kemunculan KBBT	134
4.3.2 Peralihan KBP kepada KBBT	140
4.3.3 Aktiviti dan Hala tuju KBBT	149
4.4 Kesimpulan	154

BAB : 5 Analisis keberkesanan Pergerakan Sosial ke atas Sosio-ekonomi Masyarakat India (1920-an – 1957)	
5.1 Pengenalan	156
5.2 <i>Maruthuvar Sangham dan Adi Dravidiar Sangham</i> : Era 1920-an	158
5.3 Persatuan Reformasi Tamil (TRA) : Era 1930-an	164
5.4 <i>Thondar Padai</i> : Era 1940-an	172
5.5 Kelab Bell Belia Tamil : Era 1950-an	177
5.6 Kesimpulan	186
BAB : 6 Kesimpulan	189
Bibliografi	198

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
2.1	Bilangan Estet Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1922-1940	21
2.2	Keluasan Tanah (Hektar) Penanaman Getah Di NNMB, 1906-1935	22
2.3	Bilangan Orang India Ke Tanah Melayu Yang Direkrut Menurut Daerah Di India selatan, 1923 – 1935	26
2.4	Anggaran Belanjawan Minimum Sebulan Yang Disediakan Oleh Jawatankuasa Imigran India, September 1925	32
2.5	Permintaan Upah Daripada Jawatankuasa Imigran India Mengikut Daerah Di Tanah Melayu, 1924-1930	33
2.6	PembayaranUpah Pada Zaman Kemelesetan Di Negeri Sembilan, 1930-an	34
2.7	Bilangan Ladang Dan Hospital Di Kawasan Perladangan Di NNMB, 1921 – 1926	41
2.8	Perkembangan Sekolah-sekolah Tamil Di Tanah Melayu, 1925-1957	46
2.9	Jumlah Kedai Todi Di NNMB, Kedah, Johor Dan NNS Pada Tahun 1928 Dan 1929	52
2.10	Asal usul Orang India Di Tanah Melayu Menurut Kasta Dan Daerah Di India Selatan	55
4.11	Bilangan Ahli KBBT Di Tanah Melayu, Februari 1952- Januari 1956	139
4.12	Cawangan KBBT Di Beberapa Buah Negeri Di Tanah Melayu	147

SENARAI SINGKATAN

AMTS	Agila Malaya Tamilar Sangham
CIAM	Central Indian Association of Malaya
DK	Dravidar Kalagam
GLU	General Labour Union
IIC	Indian Imigration Committee
INA	Indian National Army
KBP	Kelab Bell Pelajar
KBBT	Kelab Bell Belia Tamil
KKI	Kongres Kebangsaan India
MM	Mani Mandram
MS	Maruthuvar Sangham
NNS	Negeri-negeri Selat
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
NNMTB	Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
NUS	National University Of Singapore
MIC	Malayan Indian Congress
MPOT	Majlis Perwakilan Orang Tamil
MBNPP	Majlis Belia Negeri Pulau Pinang
TRA	Tamil Reform Association
UPAM	United Planters Association of Malaya
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
USM	Universiti Sains Malaysia
VSPM	Valluvar Sol Payirchi Mandram
YMIA	Young Men's Indian Association

BAB 1 : Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Sejak berabad-abad dahulu Tanah Melayu yang dikurniakan dengan kedudukan geografi strategik telah mencipta nama menghubungkan tamadun-tamadun hebat di Asia serta Barat dan Timur. Faktor perdagangan ini seterusnya mendorong kerajaan terutamanya kerajaan-kerajaan India meluaskan jajahannya ke Tanah Melayu di samping menyebarkan agama dan budaya. Oleh yang demikian, hubungan masyarakat India dan Tanah Melayu bukanlah sesuatu yang baru. Mulai kurun ke-15 pula bermulalah era pelayaran dan penjelajahan serta perluasan kuasa Eropah. Dengan ini mulalah era sejarah buruh India yang dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh pihak British bagi mengerjakan dasar-dasar ekonomi mereka terutamanya industri perladangan.

Lazimnya, kajian tentang masyarakat India merangkumi persoalan pola imigrasi, perburuhan, peglibatan dalam politik dan sejarah sosial. Seajar dengan ini, timbul idea untuk mengkaji sejarah sosial masyarakat India di Malaysia.¹ Masyarakat India di Malaysia merupakan salah satu etnik yang telah memberi sumbangan kepada negara ini. Melalui perspektif sejarah, sumbangan mereka telah dibuktikan oleh sejarawan tempatan mahupun Barat. Justeru, kajian tentang masyarakat India telah ditulis untuk mengenang kembali detik-detik perjuangan mereka di negara ini sejak zaman British dalam pentadbiran Negeri-negeri Selat (NNS) hinggalah negara mencapai kemerdekaan.

¹ Orang India di negara ini terdiri daripada orang Tamil, Malayalee, Telugu, Punjabi, Sikh, Ceylon dan sebagainya. Namun dalam kajian ini perbincangan lebih berfokus kepada orang Tamil.

Orang Tamil merupakan salah satu komuniti utama masyarakat India di Malaysia. Setakat ini tidak ada satu kajian khusus tentang orang Tamil yang ditulis oleh para sejarawan. Tidak dinafikan bahawa ada penulis tempatan yang menyelitikan peranan golongan Tamil sebagai coretan, catatan, pengukuhan hujahan, fakta dan sebagainya dalam kajian atau penulisan mereka. Kajian-kajian itu hanyalah menyelitikan seimbis lalu peranan mereka. Kajian ini cuba menyumbang sedikit sebanyak untuk mengatasi kekurangan itu. Dalam kajian ini sejarah pergerakan sosial Tamil dan peranannya di Tanah Melayu dari 1920-an hingga 1957 dibincangkan secara teliti dan mendalam. Kajian ini cuba menyiasat sejauh manakah pergerakan-pergerakan sosial Tamil berjaya membela kedudukan sosioekonomi orang-orang Tamil di Tanah Melayu.

Pergerakan sosial merujuk kepada pertubuhan atau persatuan yang bergiat untuk kebajikan sesuatu masyarakat. Dalam hal ini pergerakan-pergerakan sosial yang muncul telah memberi kebajikan, tunjuk ajar, motivasi, nasihat, semangat kekitaan, bantuan dan sebagainya kepada masyarakat India di Tanah Melayu. Pergerakan sosial itu memainkan peranan aktif dalam usaha membela nasib masyarakat India, khususnya golongan Tamil di Tanah Melayu. Pergerakan-pergerakan sosial yang dimaksudkan di sini ialah '*Maruthuvar Sangham*'(1926), '*Adi Dravidar Sangham*' (1929), Persatuan Reformasi Tamil atau '*Tamil Reform Association*'-TRA (1932), '*Thondar Padai*' (1945) dan Kelab Bell Belia Tamil (1956).

Sumbangan Pergerakan-pergerakan sosial ini amat penting kepada generasi kini dan akan datang. Peranan yang dimainkan oleh pergerakan sosial ini dan impaknya sangat penting dalam sejarah orang Tamil di Tanah Melayu. Malangnya pergerakan-

pergerakan sosial itu sendiri tidak mendokumentasikan aktiviti dan peranan mereka secara terperinci. Penulis akan mengkaji asal usul, peranan, dan kesannya ke atas masyarakat Tamil serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pergerakan-pergerakan sosial itu. Seterusnya, penulis juga akan cuba mengkaji situasi yang mendorong munculnya pergerakan ini serta sumbangan pergerakan-pergerakan sosial pada masa kini.

1.2 Sorotan Literatur

Beberapa kajian telah dibuat tentang masyarakat India dan masalah sosioekonomi mereka di negara ini. Kajian-kajian ini berkisar tentang tema-tema seperti latar belakang masyarakat India, sosioekonomi, imigrasi, penglibatan dalam politik dan budaya. Perlulah ditinjau dahulu karya-karya ini untuk mendapatkan satu gambaran umum. Beberapa karya yang ditinjau adalah berkisar dari tahun 1930-an hingga kini.

Neelakanda Aiyer² dalam karyanya, *Indian Problems in Malaya* mengkaji tentang masyarakat India. Karya ini merupakan satu laporan tentang kehidupan yang dialami oleh masyarakat India di Tanah Melayu. Dalam karya ini, Neelakandha Aiyer telah menceritakan eksploitasi yang dialami oleh buruh India di Malaya. Berikutan inilah, kerajaan India mengharamkan pembekalan buruh tidak mahir ke Tanah Melayu. Aiyer membincangkan masalah yang dihadapi oleh buruh India pada tahun 1938.

² K.A. Neelakandha Aiyer, 1938, *Indian Problems in Malaya: A Brief Survey in Relation to Emigration*. Kuala Lumpur: t.pt.

S.K.Chettur³ pula dalam bukunya *Malayan Adventure* membicarakan kehidupan masyarakat Tanah Melayu secara umum dan masyarakat India secara khusus selepas pendudukan Jepun. Beliau telah menyentuh pelbagai isu termasuk masalah kaum buruh India di Tanah Melayu. Kajian beliau lebih menumpu kepada soal upah dan pemogokan buruh khasnya di Kedah. Kajian ini merupakan kajian setempat sahaja.

Karya terawal penglibatan orang India dalam politik tempatan telah ditulis oleh Mahajani⁴ yang bertajuk *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*. Kajian beliau meliputi peranan yang dimainkan oleh komuniti India di Burma dan Malaya. Penulisan Mahajani membincangkan tentang pergerakan nasionalisme masyarakat India di kedua-dua negara ini. Kajian ini meliputi impak penjajahan Jepun ke atas komuniti minoriti India di situ. Dalam penulisannya, Mahajani turut membicarakan persatuan-persatuan yang berfungsi sebagai kelab sosial. Contohnya Selangor *Maruthuvar Sangham*, *Adi Dravidar (Proto-Dravidians) Sangham*, *Young Men's Indian Association (Y.M.I.A)* dan sebagainya. Dalam karya beliau itu, sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji memperoleh gambaran asas tentang *Maruthuvar Sangham*.⁵

Sebuah karya tentang imigrasi dan penempatan telah dihasilkan oleh Netto⁶, iaitu *Indians in Malaya: Historical facts and figures*. Karya ini memberi fokus

³ S.K.Chettur, 1948, *Malayan Adventure*. Mangalore: Basel Mission Press.

⁴ Usha Mahajani, 1960, *The role of Indian minorities in Burma and Malaya*, Connecticut: Greenwood Press.

⁵ *Ibid*, hlm. 120.

⁶ George Netto, 1961, *Indians In Malaya: Historical Facts and Figures*. Singapore: Oxford University Press.

tentang latar belakang kedatangan dan penempatan buruh India. Karya ini lebih berkisar tentang kemasukan buruh India dan masalah yang dialami oleh mereka dari aspek pekerjaan, upah dan kesihatan. Karya Netto pada keseluruhannya hanya membicarakan kemasukan dan penderitaan yang dialami oleh buruh pada tahap awal itu.

Kernal Singh Sandhu⁷ dalam bukunya *Indians in Malaya: Some aspects of their immigration and settlement*, memaparkan pelbagai maklumat penting berkenaan masyarakat India di Tanah Melayu. Karya beliau lebih tertumpu kepada pola imigrasi dan penempatan buruh India di negara ini. Beliau juga memberi data-data migrasi dan emigrasi buruh India di Tanah Melayu. Dalam karyanya, dipaparkan juga masalah sosioekonomi masyarakat India di Tanah Melayu. Masalah-masalah ini dihuraikan secara sepintas lalu sahaja, tetapi tidak dikaji secara mendalam.

S.Arasaratnam⁸ dalam bukunya *Indians in Malaysia and Singapore*, mengemukakan kajian dan analisis sejarah orang India di Tanah Melayu dan Singapura. Karyanya memberikan tumpuan kepada pergolakan politik sehingga Perang Dunia Kedua. Namun, karya ini hanya memberikan gambaran umum tentang penglibatan orang India dalam politik. Penubuhan *Adi Dravidiar Sangham* dan Persatuan Reformasi Tamil juga dibincangkan sepintas lalu dalam tema agama dan reformasi sosial dalam karya ini. Beliau tidak membincangkan secara terperinci tentang latar belakang dan peranan kedua-dua pergerakan sosial tersebut.

⁷ Kernal Singh Sandhu, 1969, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*. London : Cambridge University Press.

⁸ S.Arasaratnam, 1970, *Indians in Malaysia and Singapore*. London: Oxford University Press.

Aspek lain yang sangat diminati oleh para sarjana yang mengkaji sejarah masyarakat India di negara ini ialah aspek politik. Dalam hal ini S.Subramanian⁹ (1974) dalam karyanya *Politics of the Indians in Malaysia*, mengkaji peranan yang dimainkan oleh orang India di Tanah Melayu dalam perkembangan politik negara. Bagi mencapai kepentingan kedudukan dan keadilan, mereka telah membentuk parti politik yang berfungsi sebagai kumpulan berpengaruh. Tumpuan utamanya adalah berkenaan perkembangan Kongres India Malaya sejak tahun 1946. Kajian ini memberi lebih banyak ruang bagi menceritakan politik dalaman yang telah berlaku dalam Malayan Indian Congress (MIC) melalui peranan yang dimainkan oleh orang India dalam politik tempatan di negara ini.

Penulisan Wiebe dan S.Mariappen¹⁰, *Indian Malaysians: The view from the plantations*, meliputi aspek kehidupan sosial buruh India di ladang getah. Karya ini menerangkan corak kehidupan buruh estet yang terikat dengan aspek perladangan. Aspek kemiskinan juga dikaji dalam konteks pendapatan dan perbelanjaan. Kajian ini turut memaparkan sedikit sebanyak peranan Kelab Bell Belia Tamil (KBBT). Satu kajian terperinci perlu dilakukan ke atas pergerakan sosial ini yang telah memberi sumbangan yang begitu banyak kepada masyarakat India di Tanah Melayu, terutama pada tahun-tahun 1950an.

Michael Stenson¹¹ dalam bukunya *Class, Race and Colonialism in West Malaysia: The Indian Case*, telah menekankan tema-tema seperti kewujudan kelas

⁹ Subramaniam, S. 1970, *Politics of the Indians in Malaya 1945-1955*. Sarjana Sastera(M.A.), Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹⁰ P.W. Wiebe & S.Mariappen, 1978, *Indian Malaysians: The View From the Palantation*. New Delhi: Manohar Publication.

¹¹ M.R Stenson, 1980, *Class, Race and Colonialism in West Malaya*. Queensland :University of Queensland

masyarakat dan perubahan sosio-politik dalam kalangan orang India. Namun kajian beliau lebih mirip kepada ekonomi dan politik masyarakat India dalam konteks sistem ekonomi kapitalis British.

Penulisan Rajeswary¹² yang bertema *The Indian Minority and Political Change in Malaya*, mengkaji evolusi politik komuniti India dari tempoh 1945-1957. Kajian beliau melibatkan kelas sosial dan pembahagian etnik yang akhirnya mempengaruhi perkembangan politik dalam sejarah Tanah Melayu. Beliau juga menekankan perkembangan politik India pada zaman Jepun sehingga era mencapai kemerdekaan. Perbincangan tentang beberapa pergerakan sosial seperti *Adi Dravidar Sangham*, Persatuan Reformasi Tamil (TRA), *Thondar Padai* dan lain-lain lagi yang berperanan memperjuangkan nasib masyarakat India dapat dilihat dalam karya ini. Penerangan beliau tentang pergerakan sosial ini telah menambahkan lagi maklumat untuk kajian pengkaji seterusnya.

Sementara itu, sejarah sosial masyarakat India juga telah dihasilkan oleh beberapa orang sarjana. Rajakrishnan¹³, misalnya dalam karyanya *Caste Consciousness among Indian Tamils in Malaysia*, telah membicarakan sistem kasta dalam kalangan masyarakat India di Tanah Melayu. Kasta yang dianggap penghalang kemajuan golongan bawahan dibincangkan. Umumnya kasta merupakan suatu fenomena yang berlarutan dalam kalangan masyarakat Tamil hingga kini. Namun begitu, penulisannya kurang membincangkan peranan pergerakan sosial seperti *Adi Dravidar Sangham* yang berjuang untuk menghapuskan sistem kasta di negara ini.

¹² A.Rajeswary, 1981, *The Indian Minority and Political Change in Malaya, 1945-1957*.
Kuala Lumpur: Oxford University Press.

¹³ R.Rajakrishnan, 1979, *Caste consciousness Among the Indian Tamils in Malaysia: A Case-Study of Four Rural and Three urban Settlement*, M.A. Thesis, University of Malaya, Kuala Lumpur.

Karya khusus tentang pergerakan buruh India telah ditulis oleh Ramasamy¹⁴ dalam karyanya *Plantation Labour Union, Capital and the State in Peninsular Malaysia*. Penulisan beliau berkisar tentang sejarah perjuangan buruh estet negara ini. Namun beliau kurang memberi perhatian dalam soal perkembangan dan peranan pergerakan-pergerakan sosial yang lebih aktif seperti *Thondar Padai* dalam usaha membela nasib buruh estet di ladang.

Terdapat juga beberapa karya yang dihasilkan dalam bahasa Tamil. Misalnya, M.Arivananthan¹⁵, dalam *Ithu Engga Suvadhu* (Ini adalah jejak kami) lebih menekankan tentang sejarah perkembangan orang India di Tanah Melayu pada abad ke-20. Penulisan beliau tidak berfokus kepada kronologi, tetapi lebih kepada naratif sahaja. Namun begitu, beliau dapat mengetengahkan fakta-fakta sejarah dalam sesuatu isu, seperti isu pelajaran, perburuhan, kesihatan, kemerdekaan dan sebagainya. Karya beliau sedikit sebanyak dapat membantu kajian ini, terutama dalam soal perburuhan.

Selain karya dalam di atas, karya M.Janaki Raman¹⁶ *Malaysia Indiargalin Ikkattana Nilai* (Dilema masyarakat India Malaysia) membicarakan tentang orang India di Tanah Melayu mengikut tahap-tahap seperti tahap awal (1786-1957), tahap kedua (1957-1970), tahap ketiga (1970-1990) dan tahap keempat (1990-2000), tahap seterusnya (2000-2010) dan cabaran masyarakat India pada masa hadapan. Pada

¹⁴ P.Ramasamy, 1994, *Plantation Labour, Unions, Capital, and the States in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

¹⁵ M.Arivananthan, 2004, *Ithu Engal Suvadhu* (Masyarakat India di Malaya pada abad ke-20. Selangor: t.pt

¹⁶ M.Janaki Raman, 2007, *Malaysia Indiargalin Ikkattana Nilai* (Dilema Masyarakat India Malaysia). Brickfields: Ashwin Trading.

setiap tahap beliau lebih menumpu perhatian tentang kedudukan politik, sosial dan ekonomi masyarakat India di Malaysia. Ini sedikit sebanyak membantu pengkaji mendapat sumber maklumat untuk bab 2.

K.Anbalakan¹⁷, dalam karyanya *identiti India di Malaysia* menekankan tentang proses pembinaan etnik dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Kajian ini memaparkan identiti masyarakat India sejak kedatangan mereka di Tanah Melayu hinggalah penglibatan mereka dalam Dasar Ekonomi Baru (1970-1990). Dalam penulisannya beliau telah menerangkan sejarah kedatangan buruh Tamil, penekanan aspek sosial, perjuangan dalam bidang politik dan kemerosotan dalam bidang ekonomi, khasnya selepas pengenalan Dasar Ekonomi Baru (1970-1990). Beliau juga telah membicarakan soal kasta, budaya dan semangat Tamil yang diperjuangkan oleh Persatuan Reformasi Tamil (1932), *Adi Dravidar Sangham* (1928), Kelab Bell Belia Tamil (1953) dan sebagainya. Inilah satu-satunya karya yang menyentuh tentang kesedaran Tamil yang akhirnya membawa kepada semangat Tamil. Namun, beliau hanya tertumpu kepada ciri-ciri umum pergerakan sosial tersebut dan peranan semata-mata. Oleh itu, kajian terperinci perlu dilakukan tentang pergerakan-pergerakan sosial itu.

Kajian terkini tentang orang India ialah *Malaysian Indians: Towards a new paradigm* oleh K.Kalaimuthu¹⁸. Kajian ini berfokus kepada orang India dalam konteks demografi, pendidikan, bahasa, kepercayaan, sosio-politik dan semangat Tamil. Pengkaji telah lebih mengaitkan fakta sejarah dengan perangkaan mengikut

¹⁷ K.Anbalakan, 2008, *Identiti India di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

¹⁸ K.Kalaimuthu, 2008, *Malaysian Indians Towards a New Paradigm*. Brickfields, Kuala Lumpur: Fine Art Printing.

peredaran masa. Jika diteliti secara mendalam, kajian ini lebih mengutamakan semangat Tamil dalam kalangan masyarakat India di Malaysia.

Selain kajian-kajian di atas, sarjana seperti Amarjit Kaur, Daniel J.Rabindra, Oorijitham, R.Rajoo, K.Nadaraja, R.Selvakumaran, Khoo Kay Kim, Parmer, R.Santhiram dan sebagainya juga telah mengutarakan beberapa isu tentang orang India di Tanah Melayu dalam kajian mereka.

Pada umumnya sarjana-sarjana yang disebutkan di atas telah mengkaji tentang pelbagai aspek berkisar masyarakat India. Kajian tentang pergerakan sosial pernah ditulis. Namun kurang penulis mengkaji secara khusus tentang perkembangan dan peranan pergerakan sosial dalam sejarah masyarakat India di Tanah Melayu. Satu kajian yang khusus perlu dibuat agar perkembangan, peranan dan keberkesanan pergerakan sosial yang membela sosioekonomi masyarakat India tidak ketinggalan pada masa kelak. Dalam konteks ini, kajian yang dilakukan diharap dapat mengisi kekosongan tersebut.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau peranan yang dimainkan oleh pergerakan-pergerakan sosial Tamil dalam mengatasi masalah sosioekonomi yang dialami oleh masyarakat India di Tanah Melayu dari 1920 sehingga 1957. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menyiasat sejarah asal usul beberapa buah pergerakan sosial yang telah bergiat aktif pada tempoh ini dan sumbangan yang diberikan oleh pergerakan-

pergerakan ini dalam menentukan corak hidup masyarakat India dari segi segi sosial dan ekonomi.

1.4 Sumbangan Kajian

Kajian ini dilakukan kerana tidak banyak hasil penulisan yang khusus mengkaji tentang pergerakan-pergerakan sosial Tamil di Tanah Melayu. Kebanyakan hasil penulisan seperti yang dinyatakan di atas hanya tertumpu kepada hal-hal tertentu sahaja. Penulisan tentang pergerakan sosial kurang diberi perhatian oleh sarjana-sarjana seperti yang dinyatakan tadi. Pergerakan-pergerakan sosial telah membela nasib buruh estet dan mewujudkan semangat Tamil dalam kalangan orang India di Tanah Melayu. Mereka juga tidak ketinggalan memperjuangkan budaya dan bahasa Tamil di negara ini. Justeru, kajian ini berusaha untuk mengatasi kekurangan ini.

Tema-tema penulisan di atas pada umumnya tidak memberi perhatian kepada persoalan peranan pergerakan-pergerakan sosial Tamil di Tanah Melayu. Ada penulis yang menyentuh beberapa tema pergerakan-pergerakan sosial. Misalnya S.Arasaratnam dan A.Rajeswary hanya menjelaskan sepintas lalu tentang *Adi Dravidar Sangham* dan *Tamil Reform Association*. Walau bagaimanapun mereka kurang memberi satu gambaran yang jelas tentang sejarah perkembangan, peranan dan kesan pergerakan-pergerakan sosial ke atas masyarakat India. Di samping itu kajian-kajian terdahulu yang memperlihatkan keadaan sosial dan ekonomi buruh India kurang menekankan perjuangan dan nasib mereka di Tanah Melayu.

Kajian ini merupakan satu kajian terperinci pergerakan sosial Tamil dan peranannya yang memberi lebih banyak maklumat kepada orang India di Tanah Melayu. Malangnya, pergerakan-pergerakan sosial ini sendiri kurang mempunyai maklumat dan penjelasan terperinci untuk tatapan dan rujukan generasi akan datang. Lebih-lebih lagi kajian ini akan memberi satu gambaran yang jelas kepada pergerakan-pergerakan sosial ini yang masih aktif di negara ini.

Kajian ini menumpu lebih kepada sejarah sosial Malaysia. Oleh itu, dapatlah mengisi bahan ilmiah kepada orang India dan masyarakat lain di negara ini. Tambahan pula, perjuangan pergerakan-pergerakan sosial ini tidak berhenti pada satu jangka masa tertentu, malah masih bergiat dan memberi sumbangan kepada masyarakat India di negara ini. Selain itu, penulisan ini akan menjadi satu dokumentasi yang penting kelak.

1.5 Metodologi

Kajian dilakukan dengan merujuk kepada sumber dan rekod-rekod lama. Pengumpulan sumber dilakukan di Arkib Negara. Pencarian maklumat untuk kajian ini dilakukan dengan merujuk kepada fail-fail seperti Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia 1949-1965, Pejabat Daerah Sitiawan 1927-1930, Pejabat Buruh Selangor 1945-1962, Pejabat Pendaftaran Perhubungan Perak 1949-1971, Jabatan Buruh Melaka, 1945-1954, *Labour Department Malaysia* 1945-1947, *Selangor Secretariat 'F' British Resident Office* 1937, *Selangor Administration Report* 1916-1935, *Annual Report of Department of Labour* 1953-1965 dan sebagainya. Fail-fail ini dapat

membantu memberi maklumat asas tentang perkembangan, peranan dan sedikit sebanyak tentang aktiviti pergerakan-pergerakan sosial. Selain itu, maklumat berkaitan dengan orang India turut dijelaskan dalam fail-fail tersebut.

Di samping itu pencarian maklumat juga dilakukan di beberapa universiti. Sebahagian besar buku-buku bagi kajian ini telah dirujuk di perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bahan-bahan rujukan tesis dan ilmiah yang terdapat di perpustakaan tentang Pergerakan Sosial Tamil Tanah Melayu adalah terhad. Terdapat juga kajian-kajian yang lebih berfokus tentang sejarah kedatangan orang-orang India, politik MIC dan perburuhan orang India. Namun tidak dapat dinafikan bahawa adanya buku dan bahan tesis yang telah membantu penulis memahami sedikit sebanyak tentang sejarah silam perjuangan orang India di negara ini.

Selain universiti tempatan, rujukan juga telah dibuat di Singapura. Penulis telah ke sana semata-mata untuk mendapatkan maklumat tentang *Tamil Reform Association* (TRA). Bahan ini diperoleh dari *National University Of Singapore (NUS)*. Walaupun bahan ini hanya sebagai latihan ilmiah, malah bahan tersebut telah memberi satu gambaran umum tentang TRA. Selain itu, majalah *Tamil Reform Association (TRA)* bertarikh 16.9.1956 yang diperoleh daripada pengerusi Persatuan Tamil Singai¹⁹ turut membantu penulis mendapatkan maklumat tentang TRA. Masalah memperoleh bahan untuk menulis TRA sedikit sebanyak dapat diatasi dengan kunjungan ke Singapura.

¹⁹ 'Singai' adalah perkataan Tamil yang bermaksud Singapura.

Akhbar telah menyumbangkan dalam usaha menyiapkan tesis ini. Akhbar-akhbar ini kebanyakannya diperoleh dari Arkib Negara. Kajian akhbar juga dibuat di Perpustakaan Negara dan Pejabat *New Straight Times*. Sedutan akhbar adalah dari tahun 1910-an hingga 1960-an. Dalam kajian ini rujukan akhbar Tamil lebih banyak dilakukan berbanding dengan akhbar lain. Akhbar-akhbar Tamil ini merupakan sumber terpenting bagi mengetahui sejarah orang India, khasnya golongan bawahan. Melalui kajian keratan akhbar ini dapat mengumpul maklumat tentang aktiviti dan perjalanan persatuan-persatuan Tamil. Dalam hal ini, akhbar *Tamil Murasu* dan *Tamil Nesan* memainkan peranan penting sebagai wacana masyarakat India di Tanah Melayu.

Kajian melalui kaedah temubual turut dilakukan. Temubual diadakan di beberapa buah negeri seperti Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor dan di negara Singapura. Orang perseorangan, buruh estet, kerani, guru, penulis, pemimpin, tokoh tempatan dan pegawai serta ahli dan bekas ahli pergerakan sosial telah ditemubual untuk mengetahui maklumat tentang asal-usul, perkembangan dan peranan pergerakan sosial itu. Kaedah temubual sering diadakan untuk mendapatkan maklumat tambahan selain daripada rekod-rekod dari Arkib Negara dan akhbar. Penulis menghadapi kesulitan menemui tokoh pengasas dan pejuang pergerakan sosial ini. Ini kerana ada antara mereka sudah pun meninggal dunia. Walau bagaimanapun dapatlah berjumpa dengan pengikut dan bekas ahli pergerakan sosial tersebut. Walaupun begitu sebahagian besar maklumat yang diperoleh dalam temubual tidak relevan dan kurang berasas apabila disemak berasaskan sumber yang lebih berwibawa.

1.6 Penyusunan Bab

Kajian ini terbahagi kepada enam bab. Bab 1 memaparkan tentang pengenalan keseluruhan kajian. Seterusnya sorotan kajian dibincangkan. Tema kecil ini memberi satu gambaran khas penulisan tentang orang India di Tanah Melayu. Penulis juga menyetengahkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Sesuatu kajian ditulis dengan tujuan tertentu. Begitulah dengan kajian ini, penulis telah mengemukakan sumbangan kajian ini untuk tatapan diri, masyarakat dan negara pada masa kelak. Seterusnya bab ini diakhiri dengan penyusunan bab.

Bab 2 meninjau kedudukan sosioekonomi masyarakat India di Tanah Melayu. Pada peringkat awal dikemukakan tentang industri getah dan kedatangan buruh Tamil ke Tanah Melayu. Petempatan kekal buruh Tamil sering dikaitkan dengan masalah-masalah seperti upah, perumahan, kemudahan asas, kesihatan, pendidikan, minuman todi dan kasta. Dalam bab ini hanya dinyatakan masalah-masalah tersebut dengan merujuk kepada fakta-fakta daripada pelbagai sumber. Masalah-masalah inilah sedikit sebanyak cuba diatasi oleh pergerakan sosial yang menjadi tumpuan kajian ini.

Intipati bab 3 pula digolongkan kepada empat pecahan mengikut keutamaan kajian. Pada peringkat awal, perbincangan ditujukan kepada persatuan-persatuan India dan Tamil. Kedua-dua persatuan ini membawa pemahaman yang berbeza dalam kalangan masyarakat India dengan hala tuju yang berlainan. Kajian seterusnya dimulakan dengan pergerakan-pergerakan sosial Tamil pada sekitar 1920-an hingga 1930-an. Walaupun ada pergerakan-pergerakan sosial Tamil yang lain, tetapi kupasan kajian ditumpukan kepada *Maruthuvar Sangham*, *Adi Dravidar Sangham* dan

Persatuan Reformasi Tamil. Ketiga-tiga pergerakan sosial ini mempunyai sejarah perkembangan, peranan serta ala tuju yang berbeza antara satu sama lain.

Dalam bab 4 tumpuan diberi kepada perkembangan dan perjuangan pergerakan-pergerakan sosial Tamil yang wujud sekitar 1940-an hingga 1950-an. Dalam hal ini penulisan tentang *Thondar Padai* dan Kelab Bell Belia Tamil akan ditumpukan. Intipati penulisan kedua-dua pergerakan sosial ini berbeza mengikut fahaman dan perjuangan untuk membela nasib dalam kalangan orang India di Tanah Melayu

Bab 5 pula, akan membincangkan sejauh manakah keberkesanan dan peranan pergerakan sosial itu ke atas sosioekonomi masyarakat India di Tanah Melayu? Kemunculan setiap pergerakan sosial antara tahun 1920-an hingga 1950-an akan ditumpukan. Di samping itu, peranan dan sumbangan pergerakan sosial itu pada masa kini turut dibincangkan dalam bab ini.

Bab terakhir adalah rumusan dan penilaian menyeluruh tentang peranan dan sumbangan kelima-lima pergerakan sosial Tamil.

BAB 2 : Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat India

2.1 Pengenalan

Dalam bahagian ini akan dilihat perkembangan industri getah yang menggalakkan kemasukan orang India, khususnya buruh Tamil dan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka di estet. Setelah diambil kira beberapa faktor maka tumpuan diberi kepada buruh India Selatan oleh pihak British. Oleh itu majikan ladang British mengimport tenaga buruh dari India Selatan. Pada peringkat awal buruh-buruh ini ditempatkan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu untuk perindustrian penanaman getah.¹ Selain itu, tenaga buruh tidak mahir pula diperlukan untuk pembinaan infrastruktur awam terutamanya pembinaan terusan, dermaga, landasan keretapi, dan jalan raya. Bagi mencapai matlamat ini, buruh dari India Selatan direkrut dengan kerjasama kerajaan India dan pentadbiran British di Tanah Melayu. Sebagai langkah menarik minat buruh estet tinggal di ladang, maka kemudahan-kemudahan disediakan seperti tempat kediaman, bekalan air, elektrik, sanitari dan sebagainya agar buruh India selesa dengan kehidupan di sini berbanding negara asal mereka.

Pada awalnya buruh India berasa mereka dilindungi dan dijaga dengan baik dengan dibekalkan kemudahan-kemudahan seperti di atas. Tidak dinafikan taraf hidup buruh India di Tanah Melayu menampakkan perubahan sedikit sebanyak berbanding di India. Berikutan itu, galakan British untuk membawa masuk buruh India dari semasa ke

¹ Penjelasan terperinci dibincangkan di bawah topik perkembangan industri getah. Sila rujuk halaman 17 untuk keterangan lanjut.

semasa menyebabkan mereka lebih yakin dengan dasar dan corak pemerintahan British, terutamanya struktur sosial di ladang. Namun mencecah tahun-tahun 1920an hingga 1950an nasib buruh India mula berubah. Kehidupan dibelenggui dengan keperitaan. Kedudukan sosioekonomi semakin tergugat. Mereka berhadapan dengan pelbagai tekanan hidup dan berasa British mengabaikan kebajikan mereka. Dalam situasi tertekan itu buruh India mula sedar bahawa British mempergunakan mereka hanya untuk mengaut keuntungan semata-mata. Masalah sosioekonomi, seperti upah yang rendah, tempat tinggal yang kurang selesa, kesihatan, sanitari, air, dan elektrik mula terserlah sejak 1920an. Pada masa yang sama masalah sistem kasta dan masalah minuman todi turut mengancam kehidupan buruh India.²

Dalam mengkaji masalah sosioekonomi yang mempengaruhi kehidupan orang India di Tanah Melayu, tumpuan terperinci akan dilihat dari segi ciri-ciri, faktor serta kelemahan British mengatasi masalah tersebut seterusnya usaha awal serta tanda-tanda penglibatan orang perseorangan, persatuan, dan pertubuhan dalam usaha mengatasi masalah tersebut. Justeru, dalam bab ini penglibatan buruh Tamil dalam industri getah dan masalah-masalah dihadapi akan dikaji.

2.2 Perkembangan Industri Getah

Perkembangan industri getah berkait rapat dengan buruh India. Getah sebagaimana yang diketahui umum bukanlah tumbuhan asli Tanah Melayu. Sejarah penanaman getah di

² Majalah *Nagarigam*, 25.1.1952, turut membincangkan masalah-masalah kaum buruh seperti tempat tinggal, kemudahan air, 'Ayah Kottagai' (pusat penjagaan kanak-kanak), kuil, gaji, hal-hal pekerjaan, kemudahan kesihatan dan persatuan pekerja.

Tanah Melayu bermula apabila Sir Hugh Low memperkenalkannya buat pertama kali di Perak.³ Pokok getah yang ditanam sebagai percubaan semata-mata, menjanjikan peluang ekonomi yang cerah memandangkan faktor fizikal yang sesuai iaitu tanah beralun. Namun begitu, pada peringkat awal getah tidak mendapat sambutan yang menggalakkan kerana tanaman-tanaman komersil⁴ lain seperti tebu, gambir, lada hitam dan kopi masih diusahakan secara berleluasa kerana menguntungkan para pelabur.⁵

Pada awal tahun-tahun 1830-an penanaman tebu mula diperkenalkan di Negeri-negeri Selat. Sehubungan itu, buruh India Selatan, terutama orang Tamil, telah dibawa masuk ke ladang-ladang tebu di Negeri-negeri Selat (NNS).⁶ Seberang Perai di Pulau Pinang dan Kerian di Utara Perak telah menjadi tumpuan penanaman tebu. Beberapa tahun kemudian, orang Tamil juga direkrut untuk bekerja di ladang-ladang tebu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Contoh yang jelas ialah di Ladang Gula, di Utara Perak yang menjadi tumpuan utama British .

Selain tebu, tanaman kopi juga telah membuka peluang bagi kemasukan orang India di NNMB pada awal tahun 1870-an. British mula menumpukan penanaman kopi di

³ Sejarah perkembangan getah bermula pada awal tahun 1870-an apabila Henry Wickham membawa sebanyak 70, 000 benih *Hevea Brasiliensis* dari Brazil ke Kew Garden di England. Sebilangan kecil dibawa ke Tanah Melayu khususnya ke Kuala Kangsar pada tahun 1876. Untuk keterangan lanjut sila lihat J.C.Jackson, 1968, *Planters and Speculators: Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya, 1786- 1921*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur ; J.Drabble, 1973, *Rubber in Malaya 1876-1922*, Oxford University press, Kuala Lumpur; Voon Phin Keng, 1976, *Western Rubber Planting Enterprises in Southeast Asia 1876- 1921*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur,

⁴ K.S.Sandhu, 1969, *Indians in Malaya: Some Aspects of Their Immigration and Settlement, 1786-1957*, London: Cambridge University Press, hlm. 46-52.

⁵ Rujuk J.N.Parmer, 1960, *Colonial Labour Policy and Administration*, New York: J.J.Augustin Incorporated Publisher, hlm. 7.

⁶ Keperluan buruh untuk mengerjakan ladang tebu amat tinggi berbanding dengan kopi, lada hitam dan gambir iaitu bagi tanaman tebu seorang buruh diperlukan untuk mengerjakan satu ekar bidang tanah berbanding dengan tanaman lain. Sila rujuk K.S. Sandhu, 1969, hlm.78.

Tanah Melayu terutamanya di Selangor, Negeri Sembilan, dan Perak setelah gagal diusahakan di koloni-koloni British lain seperti Ceylon, Fiji dan Mauritius. Malangnya, kopi tidak menjanjikan keuntungan kepada pengusaha British. Antara tahun 1896 dan 1899 tanaman kopi mula merosot.⁷ Hal ini disebabkan penurunan harga kopi akibat pengeluaran berlebihan di Brazil selain ancaman makhluk perosak yang merosakkan tanaman kopi dalam skala yang besar.⁸ Pada masa yang sama, telah pun muncul ramai pengusaha yang berminat menanam getah yang diperkenalkan pada awal tahun-tahun 1890-an. Ekoran itu, British mula mencari industri baru bagi mengaut keuntungan.⁹ Lalu, mereka mengalih pandangan kepada industri getah pula.

Keperluan tanah yang luas bagi penanaman getah tidak membawa sebarang masalah kerana Tanah Melayu diberkati dengan tanah yang subur serta beralun. Kawasan-kawasan hutan dan pedalaman di Negeri-negeri Melayu Bersekutu diterokai untuk penanaman getah. Di negeri-negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang tanaman getah giat dijalankan dengan giat.¹⁰ British telah membuka ladang atau estet hampir di seluruh negeri penjajahanannya. Daripada Jadual 2.1 dapat diperhatikan bahawa setiap dua tahun bermula tahun 1922 sehingga tahun 1940, bilangan estet bertambah. Pertambahan estet disusuli dengan keperluan tenaga buruh. Oleh itu, buruh murah dari India Selatan direkrut untuk memenuhi keperluan tenaga buruh di estet bagi mengerjakan kerja-kerja torehan getah serta kerja-kerja lain di estet.

⁷ Charles Gamba, 1962, *The National Union of Plantation Workers – The History of the Plantation of Malaya 1946-1958*, Singapore: Eastern Universities Press, hlm. 2.

⁸ P.Ramasamy, 1994, *Plantation Labour, Unions, Capital, and the States in Peninsular Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 35.

⁹ CO 273/282, hlm. 270.

¹⁰ CO 717/17, hlm. 91-93.

Jadual 2.1: Bilangan Estet Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1922-1940

Tahun	Bilangan Estet
1922	1410
1924	1455
1926	1523
1928	1696
1930	1876
1932	1939
1934	2010
1936	2015
1938	2626
1940	2113

Sumber : P.Radhakrishnan, *The Role of Rubber In The West Malaysian Economy*, 1974, hlm. 32

Purata keluasaan sesebuah estet ialah 400 hingga 500 ekar. Kebanyakan estet di Negeri-negeri Melayu Bersekutu adalah kepunyaan orang Eropah. Kerajaan British menggalakkan tanaman getah secara besar-besaran dengan memberi insentif kepada peladang Eropah. Misalnya, mereka telah diberikan peruntukan tanah, jalan raya, kemudahan jalan keretapi, kemudahan pinjaman kewangan, dan agensi untuk memasarkan getah.¹¹ Selain British, orang Cina juga memiliki estet, terutamanya di Johor, Melaka dan Kedah.¹² Pada tahun 1921, satu perlima daripada jumlah estet di Tanah Melayu dimiliki orang Cina. Pada tahun 1931 sebanyak 30% orang Cina terlibat dalam tanaman getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.¹³ Dasar British yang liberal telah mendorong perluasan kawasan tanaman getah secara drastik di NNMB. Berdasarkan Jadual 2.2, pada tahun 1906 hanya 40, 148 hektar sahaja diperuntukkan untuk tanaman getah, tetapi jumlah keluasan ini telah meningkat pada tahun-tahun berikutnya sehinggalah 815, 500 hektar ditanam dengan getah pada tahun 1935.

¹¹Nisha Bhatt, 2000, Sejarah Sosio-ekonomi Pekerja Estet Wanita India di Tanah Melayu, 1900-1957, Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia, Pulau-Pinang, hlm. 30.

¹² Ooi Jin-Bee, 1963, *Land, People and Economy in Malaya*, London: Longmans, hlm. 111.

¹³ *Ibid* hlm 112.

Jadual 2.2: Keluasan Tanah (Hektar) Penanaman Getah Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1906-1935

Tahun	Hektar
1906	40, 148
1908	71, 744
1911	72, 838
1922	570, 300
1935	815, 500

Sumber : R.Selvakumaran, *Indian Plantation Labour In Malaysia, 1994* hlm. 33

Bagi mengusahakan ladang-ladang ini British memerlukan sumber tenaga buruh yang mencukupi memandangkan tanaman eksport adalah berintensif buruh.¹⁴ Pihak British juga memerlukan lebih banyak tenaga buruh untuk kerja-kerja pembinaan rangkaian jalan raya dan jalan keretapi yang sempurna untuk mengangkut hasil tanaman dari kawasan perladangan ke pelabuhan untuk dieksport.¹⁵ British gagal mendapatkan buruh Cina, Melayu, dan Jawa. Dalam keadaan itu buruh dari India selatan yang dianggap sangat sesuai untuk bekerja seolah-olah sebagai hamba telah dibawa masuk oleh British ke Tanah Melayu.

2.3 Buruh India Selatan : Buruh Tamil

Buruh Tamil adalah tulang belakang di ladang getah.¹⁶ Seperti yang telah dijelaskan di atas, sebelum kewujudan tanaman getah, orang Tamil telah ditempatkan dengan bilangan yang besar di ladang-ladang tebu dan kopi. Menurut C. Kondapi, pada tahun 1833

¹⁴ Daniel, J. Rabiendra, 1983, "Poverty Among The Malaysian Indian Plantation Community", *Jurnal Pengajian India*, Jilid 1, hlm. 127.

¹⁵ R.N. Jackson, 1961, *Immigrant Labour and the Development of Malaya*, Kuala Lumpur: The Government Press, hlm. 107.

¹⁶ *The Times of Malaya*, 15.1.1920, hlm. 3.

pekerja Tamil dan Telugu pertama kali dibawa masuk ke Tanah Melayu sebagai pekerja di kawasan perladangan.¹⁷ Mereka dibawa melalui sistem kontrak.¹⁸ Di bawah sistem kontrak ini buruh Tamil tidak diberi layanan dan kemudahan tempat tinggal yang selesa. Aspek-aspek seperti gaji, kesihatan, kebajikan juga kurang diambil perhatian oleh pihak British.¹⁹

Sebelum buruh India, orang Cina diupah untuk mengerjakan ladang milik British. British mendapati buruh Cina sukar dikawal atau diperas kerana mereka terikat dengan persatuan mereka yang digelar kongsi.²⁰ Lebih-lebih lagi orang Cina tidak dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh British tetapi oleh persatuan- persatuan mereka dari negara asal mereka.²¹ Secara semulajadinya mereka memiliki sikap berdikari dan memberontak sebarang peraturan atau perikatan yang dianggap tidak adil. Hal ini menyukarkan pihak British untuk mengawal mereka.

Selain itu, buruh Cina tidak mahu bekerja dengan majikan Inggeris. Mereka lebih senang untuk berurusan dengan kaum mereka sendiri. Buruh Cina juga tidak gemar untuk bekerja di kawasan perladangan malah lebih minat di sektor perlombongan.

¹⁷ K.S Sandhu, 1969, *Indian Immigration to Malaya, 1786-1957*, hlm. 77.

¹⁸ Sistem Kontrak diluluskan pada tahun 1872. Sistem ini terbahagi kepada dua iaitu kontrak lisan dan kontrak bertulis. Pengambilan buruh biasanya dibuat oleh agen-agen di India. Lazimnya agen-agen ini adalah pemilik kapal dan dikenali sebagai *Maistry*. *Maistry* yang mendapatkan seorang buruh akan dibayar sepuluh rupi. Agen-agen ini menjalankan kegiatan mereka di Wilayah Tanjore, Trichinopoly, Madras dan Coimbatore. Ini kerana wilayah-wilayah tersebut berhampiran dengan pelabuhan Nagapattanam. Lihat juga P.Rathitevi, 2003/2004, Keadaan Sosial Buruh India di Tanah Melayu 1931-1957. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 17-19.

¹⁹ Charles Gamba, 1962, *The National Union Plantation Workers : The History of the Plantations works in Malaya 1946-1958*. Singapore.: Eastern Universities Press, hlm. 5.

²⁰ CO 273 / 628, hlm.26.

²¹ R.Selvakumaran, 1994, *Indian Plantation Labour in Malaysia*, Kuala Lumpur: Abdul Majid & Co, hlm 50-52.

Kadar kemasukan orang Cina ke Tanah Melayu juga semakin meningkat pada penghujung abad ke-19. Hal ini menyebabkan British membawa masuk buruh Tamil yang murah sebagai langkah untuk mengimbangi pertambahan kaum Cina di Tanah Melayu.

Beberapa faktor lain juga telah menggalakkan British memilih orang Tamil. Pada tanggapan mereka orang Tamil senang dikawal, tidak memberontak dan mampu bekerja keras. Orang Tamil ini juga jinak dan mudah diurus kerana mereka akan menuruti dan mengikuti segala peraturan yang ditetapkan oleh British. Ini berpandukan pengalaman British memerintah India.²²

British juga telah memilih buruh Tamil kerana mereka beranggapan bahawa orang Tamil tidak bercita-cita tinggi dan tidak akan berusaha untuk memajukan diri. Golongan Tamil ini hanya mengharapkan kehidupan yang dapat memenuhi keperluan seharian. Mereka menganggap kehidupan baru yang lebih baik akan diberikan oleh British kelak.²³

Ciri-ciri sedemikian menarik minat British membawa masuk orang India, khususnya orang Tamil untuk memenuhi hasrat mereka. Dari sudut pandangan orang Tamil, ini adalah satu peluang baik untuk keluar daripada cengkaman penderitaan hidup di India. Taraf ekonomi yang rendah, pertambahan penduduk, peluang pekerjaan yang tipis, masalah sosioekonomi dan sebagainya menyebabkan orang Tamil, iaitu golongan

²² M.R. Stenson, 1980, *Class, Race and Colonialism in West Malaya*, Queensland: University of Queensland Press, hlm 17-18.

²³ *Ibid* hlm. 19.